



KENYATAAN AKHBAR

MAJLIS PENYAMPAIAN DERMA ANAK-ANAK YATIM KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN SERTA JABATAN-JABATAN DIBAWAHNYA

Hari Khamis, 27 Ramadhan 1441H/21 Mei 2020M

21 Mei 2020 - Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan petang tadi telah mengadakan Majlis Penyampaian Derma Anak-Anak Yatim bagi Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan serta Jabatan-Jabatan di bawahnya bertempat di Dewan Setia Pahlawan, Bangunan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Hadir selaku Tetamu Kehormat ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Turut hadir ialah Pemangku Setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap serta Ketua-Ketua Jabatan dan Bahagian di bawah Kementerian tersebut.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan doa selamat. Majlis diteruskan dengan penyampaian derma oleh Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan kepada ibu-ibu tunggal dan penjaga yang terdiri daripada kakitangan di Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan sebagai wakil kepada seramai 43 orang anak-anak yatim.

Majlis seumpama itu merupakan aktiviti tahunan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan serta Jabatan-Jabatan di bawahnya di bulan Ramadhan dan bertujuan untuk menyemarakkan lagi bulan Ramadhan yang Mubarak disamping mendapatkan ganjaran pahala keberkatan daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Melalui sumbangan tersebut juga diharapkan akan dapat membantu anak-anak yatim dalam membuat persiapan menjelang Hari Raya Aidilfitri.

/TAMAT

Disediakan oleh:

**Bahagian Pengurusan dan Kewangan
Kementerian Sumber-Sumber Utama & Pelancongan
21 Mei 2020**